



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17/12/2019	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## Hujan lebat di Johor, Pahang dan Terengganu

**KUALA LUMPUR** - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) semalam mengeluarkan amaran cuaca waspada peringkat kuning iaitu hujan lebat di beberapa daerah di Johor, Pahang dan Terengganu sehingga hari ini, manakala amaran sama di Sabah sehingga esok.

Hujan lebat dijangka melanda daerah Segamat, Kluang, Mersing, Kulai dan Kota Tinggi di Johor, manakala Pahang di Jerantut, Maran, Kuantan, Bera dan Rompin serta Du-

ngun dan Kemaman di Terengganu.

Hujan lebat Monsun Timur Laut itu menyebabkan sembilan daripada 10 daerah di Johor dilanda banjir, manakala dua daerah di Pahang iaitu Rompin dan Temerloh turut terjejas.

Sementara itu, hujan lebat sehingga esok diramal melanda Keningau, Tambunan, Ranau, Kota Belud, Sandakan dan Kudat di Sabah.

Kriteria cuaca waspada atau kuning ialah hujan lebat berterusan (lebih enam jam) dijangka berlaku

dalam tempoh satu hingga tiga hari atau hujan berterusan sedang berlaku tetapi belum mencapai tahap hujan lebat berterusan.

MetMalaysia turut mengeluarkan amaran angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai 3.5 meter dijangka boleh berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur yang boleh mendatangkan risiko limpahan air laut di pesisir pantai dan muara sungai. - *Bernama*